

# Biaya pesakit kronik tanpa ambil kira pendapatan

UM 25 SEP 2002

KUALA LUMPUR  
24 Sept. — Pergerakan Pemuda UMNO menggesa Kementerian Kesihatan membiayai rawatan dan pembedahan pesakit kronik yang memerlukan bantuan segera tanpa mengambil kira pendapatan bulanan mereka.

Ketua Unit Pengaduan Awamnya, Subahan Kamal berkata, kementerian juga perlu mengambil kira jumlah tanggungan dan kos sara hidup bagi keluarga pesakit memanda-

ngkan kos rawatan untuk penyakit itu kadang kala mencecah RM200,000 atau lebih.

“Syarat untuk mendapatkan rawatan perlu dilonggarkan. Ini kerana, pemohon yang berpendapatan RM1,500 misalnya, masih tidak mampu untuk membiayai kos rawatan sekiranya menanggung keluarga yang besar dan tinggal di Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng Ahad lalu yang mengakui adalah sukar bagi seseorang berpendapatan RM1,000 sebulan menampung kos rawatan dan pembedahan penyakit kronik.

## Menunggu

Jui Meng berkata, kementeriannya masih menunggu butiran lanjut dan garis panduan berhubung dana RM100 juta yang diumumkan oleh kerajaan dalam Bajet 2003 bagi membantu penghidap penyakit kronik dengan segera.

Dana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disediakan atas keprihatinan kerajaan khusus untuk pesakit atau kanak-kanak yang ibu bapa mereka berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan.

Mengulas lanjut, Subahan berkata, kementerian itu perlu memberi input berhubung pembiayaan kes demi kes tersebut sebelum butiran lanjut dan garis panduan dana itu dikeluarkan.

Katanya, ia bagi memastikan kesemua dana tersebut dapat digunakan dengan bijak dan hasrat kerajaan untuk membantu golongan tidak berkemampuan dalam membiayai rawatan dan pembedahan penyakit kronik tercapai.

“Setiap permohonan perlu disiasat dengan teliti dengan tidak menjadikan jumlah pendapatan semata-mata sebagai kriteria,” katanya.

Selain itu, kementerian juga perlu memastikan bahawa suatu mekanisme tanpa halangan kerendah birokrasi diwujudkan dengan segera bagi melicinkan urusan dana tersebut bagi membolehkan ia disalurkan dengan cepat dan tepat.

“Mekanisme ini termasuklah cara permohonan dana itu perlu dihebahkan kepada orang ramai bagi memudahkan mereka memohon,” katanya.